

## HARI MINGGU BIASA KE-13 (C)

1 Raja-raja 19:16. 19-21; Mazmur 15:1-2. 5. 7-11. R/ cf. v. 5; Galatia 5:1. 13-18  
Lukas 9:51-62

### Tema: KITA HARUS MENINGGALKAN SEGALANYA UNTUK MENGIKUTI YESUS

1. Hari ini adalah Hari Minggu Biasa ke-13, Tahun Liturgi C. Injil hari ini memberitahu kita bahawa Yesus sedang dalam perjalanan ke Yerusalem, untuk sengsara, untuk mati, untuk bangkit dari kematian, untuk naik ke syurga dan untuk mengutus Roh Kudus turun untuk penyelamatan dunia!

Injil memberitahu kita bahawa Yesus dan murid-murid-Nya tidak diterima oleh orang-orang penduduk Samaria, Yakubus dan Yohanes mahu menyuruh api dari surga turun dan membinasakan mereka, tetapi Yesus menegur mereka dan memberitahu mereka bahawa Dia "**datang bukan untuk membinasakan jiwa tetapi untuk menyelamatkannya**"! (NJB) Sesungguhnya, Yesus datang untuk menyelamatkan jiwa-jiwa, dan bukan sahaja jiwa orang Yahudi, tetapi juga jiwa orang Samaria, musuh orang Yahudi!

Injil juga memberitahu kita bahawa kita harus meninggalkan segalanya, termasuk keluarga kita, agar dapat mengikuti Yesus! Itulah sebabnya mengapa orang pertama yang ingin mengikuti Dia, Yesus telah memberitahunya bahawa serigala mempunyai liang dan burung mempunyai sarang, tetapi Putera Manusia tidak mempunyai tempat untuk meletakkan kepala-Nya!

Dan kepada orang yang kedua yang ingin mengikuti-Nya, tetapi mahu mengubur dahulu ayahnya, Yesus memberitahunya biarkan orang mati menguburkan orang mati, iaitu, membiarkan sahaja orang yang mati rohaninya mengubur orang yang mati fisikalnya, dan bahawa tugasnya adalah untuk pergi dan memberitakan kerajaan Allah!

Dan bagi orang yang ketiga yang ingin mengikuti-Nya, tetapi mahu mengucap selamat jalan dahulu kepada keluarganya, Yesus memberitahunya bahawa setiap orang yang siap untuk membajak dan menoleh ke belakang tidak layak untuk kerajaan Allah!

Sekali lagi, kita harus meninggalkan segalanya, termasuk keluarga kita, untuk mengikuti Yesus!

2. Sesungguhnya bacaan pertama memberitahu kita bahawa nabi Elisa meninggalkan segalanya, termasuk keluarganya, untuk mengikuti nabi Elia dan untuk menggantinya! Justru itu kita baca dalam bacaan pertama:

**"Lalu Elia meninggalkan lembu itu dan berlari mengikuti Elia, katanya, 'Biarkanlah aku mencium ayahku dan ibuku dahulu, lalu aku akan mengikuti engkau.' ....Lalu berbaliklah ia daripada Elia, ia mengambil pasangan lembu itu, menyembelihnya dan memasak dagingnya dengan bajak lembu itu sebagai kayu api; ia memberikan daging itu kepada orang-orangnya, kemudian makanlah mereka. Sesudah itu bersiaplah ia, lalu mengikuti Elia dan menjadi pelayannya."(1 Raj 19:20-21; SM)**

3. Mazmur antarbacaan memberitahu kita bahawa Allah adalah kebaikan yang tertinggi! (CSB) Bahkan Yesus memberitahu kita bahawa kebaikan itu adalah Allah sahaja! (Mk 10:18) Itulah sebabnya mengapa kita harus meninggalkan segalanya, termasuk keluarga kita, supaya dapat mengikuti Dia!

Mazmur antarbacaan mempunyai empat rangkap. Rangkap pertama (ayat 1-2.5; SM) memberitahu kita bahawa penyair lebih suka Allah Israel daripada semua tuhan-tuhan palsu! Justru itu sahutannya yang diambil dari rangkap pertama:

**"Engkaulah, ya Tuhan, milik pusaka dan warisanku."** (Mzm 15:5; SM)

Iaitu, Ya Tuhan, hanya Engkaulah kekasihku, warisanku dan pusakaku!

Rangkap kedua, ketiga dan keempat (ayat 7-11) memberitahu kita akan kebijaksanaan dan kehadiran Allah yang memberi kehidupan, iaitu, Allah dan hanya Allah sendiri yang memberi kebijaksanaan dan

kehidupan. Itulah sebabnya mengapa Dia adalah kebaikan yang tertinggi dan hanya Dialah baik! Dan itulah sebabnya mengapa kita harus melepaskan segalanya, termasuk keluarga kita, untuk dapat mengikuti Dia!

4. Bacaan kedua memberitahu kita bahawa di samping mengasihi dan melayani Allah, kita juga harus mengasihi dan melayani jiran kita! Bahkan kita tidak dapat mengasihi dan melayani Allah tanpa mengasihi dan melayani jiran kita juga! Justru itu kita baca dalam bacaan kedua:

**“Layanilah seorang yang lain oleh kasih. Sebab seluruh hukum Taurat tercakup dalam satu firman ini, iaitu: Kasihilah sesamamu manusia seperti dirimu sendiri.” (Gal 5: 13-14; SM)**

5. Hari ini kita bersyukur atas Putera-Nya Yesus Kristus, yang menderita, mati, bangkit dari antara orang mati, naik ke syurga dan mengutus Roh Kudus untuk penyelamatan dunia. Dan kita mohon kepada Allah untuk membantu kita meninggalkan segalanya, termasuk keluarga kita, agar dapat mengikuti Yesus untuk mengasihi dan melayani Allah dan untuk mengasihi dan melayani jiran kita!

Sesungguhnya, inilah ertinya kehidupan, inilah rahsia kebahagiaan, dan inilah apa yang dicipta Allah untuk kita, iaitu, untuk mengenali Dia, untuk mengasihi Dia, untuk melayani Dia dan untuk bersukacita bersama Dia untuk selama-lamanya; dan untuk mengenali jiran kita, untuk mengasihi jiran kita, untuk melayani jiran kita, dan untuk bersukacita dengan jiran kita selama-lamanya!

Berkat Minggu untuk kamu semua!

Amen!

**Cadangan soalan-soalan untuk renungan individu dan untuk perkongsian dalam keluarga, dalam kumpulan kecil dan dalam komuniti-komuniti kecil:**

1. Mengapa Yesus pergi ke Yerusalem? Apakah sikap Yesus terhadap orang Samaria yang menolaknya?
2. Adakah kamu mengikuti Yesus? Apakah yang harus kamu lakukan untuk dapat mengikuti Yesus? Adakah kamu meninggalkan segalanya, termasuk keluarga kamu, untuk dapat mengikuti Yesus?
3. Adakah nabi Elisa meninggalkan segalanya, termasuk keluarganya, untuk mengikuti nabi Elia dan terus melayani dia?
4. Apa/Siapa adalah kebaikan yang tertinggi? Apa/Siapa kebaikan itu hanyalah dia? Adakah kamu melepaskan segalanya untuk kebaikan yang tertinggi dan kebaikan itu sahaja?
5. Apakah erti kehidupan itu? Apakah rahsia kebahagiaan? Mengapa Allah mencipta kamu?
6. Apakah kamu kenal Allah dan jiran kamu? Adakah kamu mengasihi Allah dan melayani jiran kamu? Adakah kamu melayani Allah dan jiran kamu? Adakah kamu gembira dengan Allah dan jiran kamu?

**Fr. Nicholas Ong, Holy Trinity Catholic Church (HTCC), Tawau, Sabah, Malaysia,**

**Rujukan: New Jerusalem Bible (NJB); Catholic Study Bible (CSB); Sunday Missal (SM).**